

PM umum China rakan niaga strategik

BH 1/06/04 ms 2

SHANGHAI: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengumumkan pengiktirafan Kuala Lumpur terhadap China sebagai negara pasaran ekonomi penuh semalam, menawarkan Malaysia untuk menjadi rakan perniagaan strategik bagi pelaburan masa depan bersama.

Abdullah berkata, kekayaan sumber asli negara adalah satu nilai signifikan kepada China untuk menjadi rakan strategik kerana peningkatan permintaan sumber tenaga terutama minyak dan gas di republik itu.

China pula boleh menjadikan Malaysia pintu masuk kepada pasaran lebih besar bagi produknya ke Asia Tenggara yang mempunyai 550 juta penduduk, melihat kepada gabungan pasaran penggunaan swasta yang bernilai lebih AS\$320 bilion (RM1,206 bilion), sama saiznya dengan pasaran utama bahagian pantai China pada 2002.

"Saya ingin mengumumkan pengiktirafan Malaysia terhadap China sebagai negara pasaran ekonomi penuh untuk memastikan masyarakat perniagaan kita mendapat faedah daripada pelbagai peraturan dua hala dan program Malaysia-China terus dilaksanakan," katanya pada Forum Perniagaan Petronas, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Pengiktirafan itu juga terkandung dalam pernyataan bersama yang dikeluarkan di Beijing, semalam.

Abdullah berkata, komitmen China

terhadap gas asli terbukti dengan pembinaan 4,000 kilometer saluran paip Timur-Barat untuk menyalur gas dari Teluk Tarim di barat negara itu ke Shanghai, selain pembinaan terminal import pertama negara itu di Guangdong.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh menjadi rakan strategik China dalam bidang gas asli kerana Malaysia antara 'pemain' terbesar gas asli cecair (LNG) di dunia dengan mempunyai rekod sebagai pembekal yang stabil dan boleh dipertanggungjawabkan.

Petronas, katanya, mengeluarkan 23 juta tan LNG setahun manakala kemudahan pengeluaran di Bintulu, Sarawak - terbesar di dunia bagi pengeluaran satu lokasi.

Malaysia juga pemilik dan pengusaha terbesar kapal tangki LNG, Abdullah berkata, pertumbuhan ekonomi yang pesat di China, mengatasi Jepun tahun lalu, meningkatkan permintaan sumber tenaga, terutama minyak dan gas, menjadikannya pengguna tenaga kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat.

Perdana Menteri menjangkakan permintaan minyak di China akan meningkat sekurang-kurangnya satu juta tong setahun dalam tempoh dua dan tiga tahun akan datang.

Bagi penggunaan gas asli, katanya, pada masa ini berjumlah tiga peratus daripada jumlah penggunaan tenaga China.

Perdana Menteri berharap Petronas dan Perbadanan Petroleum Nasional China (CNPC) terus meneroka dan memajukan peluang perniagaan bersama dalam bidang ini.

Melihat peluang yang begitu besar di China, Abdullah berkata, penggunaan domestik menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang begitu cepat dan meningkatkan kuasa beli rakyatnya.

"Jika China berusaha mengeluarkan semua barangan dan perkhidmatan yang diperluarkannya, ia masih tidak mencukupi.

"China masih perlu mengimport. Apabila China mengimport, negara seperti Malaysia mendapat faedahnya jika syarikat Malaysia bersedia melakukan perniagaan secara kompetitif," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah mengingatkan ahli perniagaan Malaysia supaya tidak sekadar mengambil kira pasaran besar satu bilion penduduk China dan upah pekerja yang rendah bagi membentuk rakan perniagaan strategik dengan perbadanan republik itu.

Jika serius menjadikan China sebagai rakan perniagaan, mereka mesti mengiktiraf kemajuan negara itu dan perbadanannya dalam ekonomi global.

Syarikat antarabangsa meningkatkan pelaburan mereka di China, bukan disebabkan kos buruh tetapi kerana kemajuan teknologi dan harta intelektual yang dimajukan

negara itu.

Katanya, syarikat Malaysia memerlukan pengiktirafan, sebagaimana dilakukan oleh Kumpulan Kuok yang merintis perniagaan di negara itu sejak sekian lama.

Menggariskan perspektif berhubung konteks kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara, Perdana Menteri berkata, China sudah melakukan kemajuan sejak mengubah orientasi pasaran yang diperkenalkan oleh Deng Xiao Peng pada 1979.

Republik itu sudah memperbadankan perusahaan milik negara dan memajukan infrastruktur pasaran ekonominya termasuk reformasi perundangan dan perbankan.

"Namun, masih ada ahli perniagaan Malaysia memikirkan China sebagai pasaran besar satu bilion penduduk yang menawarkan upah tenaga yang rendah.

"Kita mahu ahli perniagaan Malaysia lebih canggih dalam memahami dan menghargai China.

"Kita perlu faham berhubung perbezaan wilayah, sama ada di wilayah pantai seperti Shanghai dan Guangdong atau di wilayah darat seperti Yunnan atau Xinjiang," katanya.

Ini kerana setiap satu mempunyai perbezaan profil ekonomi, industri tunggal dan 'pemainnya' serta prasarana fizikal dan kewangan.

Abdullah menegaskan pentingnya syarikat Malaysia dan China memberi fokus kepada rakan strategik dan

usaha sama mempunyai nilai yang tinggi, mempunyai kelebihan pengetahuan dan harta intelek yang boleh dipasarkan secara global.

"Kita perlu mencari bidang di mana Malaysia dan China boleh saling bergantung antara satu dengan lain untuk kepentingan bersama. Syarikat China pula akan terus melabur dengan syarikat dan perbadanan Malaysia," katanya.

Katanya, peluang kerjasama juga wujud dalam bidang pengeluaran makanan, industri berasaskan pertanian dan bioteknologi.

Malaysia, katanya menawarkan kepelbagaian bio yang unik serta sumber asli yang banyak memandangkan ia adalah peneraju dalam industri berasaskan pertanian tertentu seperti kelapa sawit dan oleokimia selain mempunyai reputasi jenama' pengeluaran makanan halal yang boleh dieksport ke pasaran Islam global.

Mengenai pembangunan harta intelek, Abdullah mencadangkan kedua-dua pihak mewujudkan peraturan kerjasama dalam pembangunan perisian dan perkakasan, elektronik berkemampuan tinggi dan komunikasi.

Beliau berkata, bagi media penyiaran, kedua-dua negara boleh mengambil faedah daripada kekayaan budaya untuk menerbitkan berita Asia, program dan wayang gambar untuk dipasarkan secara global dan menawarkan alternatif kepada sektor media yang dikuasai Barat.